

BAB III
BIOGRAFI SHEIKH ABDULLAH BASMEIH DAN GAMBARAN UMUM
KARYANYA

Pengajian Islam di dalam bidang tafsir di Tanah Melayu telah dimulai sejak abad ke-17 Masihi. Penulisan terawal merupakan terjemahan dari *Tafsir al-Baydawi* yang ditulis oleh Tok Pulau Manis. Berawal dari itu, bidang pengajian Al-Qur'an memiliki sejarah tersendiri dalam perkembangannya di Tanah Melayu. Di antara karya-karya yang terkenal di dalam bidang ini, yang sering digunakan oleh masyarakat di Malaysia, adalah kitab tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian Al-Qur'an.

Sepanjang penelitian penulis Kitab *Tafsir Pimpinan al-Rahman* adalah kitab terjemahan Al-Qur'an sekaligus merupakan kitab tafsir Al-Qur'an yang telah diproduksi oleh Sheikh Abdullah Basmeih. Kitab tafsir tersebut digunakan secara meluas di kalangan masyarakat Muslim di Malaysia, bahkan diakui oleh pemerintah Malaysia sebagai kitab tafsir yang sewajarnya dirujuk oleh masyarakat muslim di sana.

A. Biografi Sheikh Abdullah Basmeih

1. Latar Belakang Sheikh Abdullah Basmeih

Nama asli beliau adalah Abdullah Basmeih bin Muhammad Basmeih, beliau lebih dikenali dengan sebutan "Sheikh", beliau berasal dari Semenanjung

Tanah Arab. Kata “Basmeih” atau asal sebutannya “*Basumayh*” adalah antara gelaran yang diberikan kepada golongan peniagaan yang berasal dari Hadhramaut, yaitu salah sebuah wilayah di negara Yaman yang terletak di selatan Semenanjung Tanah Arab.

Ayah beliau bernama Muhammad Basmeih bin Salleh Basmeih yang berasal dari Hadhramaut di Yaman, ibu beliau bernama ‘Aisyah binti Abdullah Bin Hammad yang berasal dari daerah Bishah Arab Saudi. Basmeih juga merupakan gelaran bagi keturunan beliau. Sekalipun beliau berketurunan Arab namun telah menjadi warganegara Malaysia.¹

Ayahnya Sheikh Muhammad Basmeih sebenarnya tidaklah asing dalam kalangan orang Melayu. Sebelum beliau menikah dengan ‘Aisyah, beliau pernah menikah dengan seorang perempuan Melayu. Peristiwa ini berlaku semasa beliau berkunjung ke Semenanjung Tanah Melayu. Beliau menjadi anak angkat kepada Cikgu Abdul Jalil yang tinggal di Melaka. Karena terlalu menyayangi Sheikh Muhammad Basmeih, maka cikgu Abdul Jalil menikahkannya dengan seorang gadis Melayu. Dari hasil pernikahan tersebut, mereka dikaruniai seorang anak perempuan. Namun, beberapa bulan setelah kembali ke Mekkah, keduanya meninggal karena demam tinggi. Setelah itu ayah sheikh Abdullah Basmieh menikah dengan ibunya. ‘Aisyah .

¹Wan Ramizan Hasan, *Sumbangan Sheikh Abdullah Basmieh Dalam Bidang Tafsir: Kajian Khusus Terhadap Kitab Tafsir Pimpinan Al-Rahman*, Disertasi, Fakultas Ushuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2000), 110.

Sheikh Abdullah Basmeih lahir pada tanggal 29 Disember 1913 di sebuah tempat bernama *Ma'abdah*. Tempatnya tidak jauh dari kawasan Masjidilharam.² Dalam catatan lain, ia disebutkan lahir pada tahun 1915 M karena usianya ketika berhijrah ke Tanah Melayu pada tahun 1927 M adalah 12 tahun.³ Beliau dibesarkan di tanah Mekkah al-Mukarramah hingga hijrah ke Tanah Melayu setelah itu karena mengikuti ayahnya.

Sewaktu usianya masih kecil, yakni kurang lebih dua tahun, ibunya 'Aisyah terlebih dahulu pergi meninggalkannya. Belum sempat beliau menikmati belaian kasih sayang dari seorang ibu. Selepas kematian ibunya, beliau dirawat oleh ibu saudaranya, Khadijah Hammadah. Karena Khadijah bersaudara dengan ayah dan ibunya, beliau memanggilnya "*Ammati wa khalati*" yang bermaksud "ibu saudara dari pihak ayahku dan ibu saudara sebelah ibuku". Sheikh Abdullah Basmeih mendapat perhatian dan kasih sayang penuh daripada ibu saudaranya karena khadijah tidak memiliki anak.⁴

Sheikh Abdullah Basmeih hanya memiliki dua saudara laki-laki dari ayah yang sama, Sheikh Said dan Sheikh Salim. Keduanya adalah hasil daripada perkongsian hidup ayahnya Sheikh Muhammad Basmeih dengan wanita Melayu yang bernama Yang Chik binti Haji Kaseh yang berasal dari Kampung Sungai Kartah Pangkalan Balak, Melaka.

²Wan Ramizan Hasan, *Sumbangan Sheikh Abdullah Basmieh Dalam Bidang Tafsir: Kajian Khusus Terhadap Kitab Tafsir Pimpinan Al-Rahman*, 113.

³Jaafar Abdul Rahim, *Tokoh Bulan ini, Sheikh Abdullah Basmieh Pengarang Yang Tidak Pandai Menaip* (T.t: Majalah Dewan Siswa, 1979), 5.

⁴Wan Ramizan Hasan, *Biografi Ulama Malaysia: SHEIKH ABDULLAH BASMEIH: Riwayat Hidup Sheikh Abdullah Basmieh* (Selangor Darul Ehsan: Attin Press Sdn. Bhd, 2019), 2-3.

Pada tahun 1939 M, Sheikh Abdullah Basmeih menikah dengan seorang gadis bernama Hj. Hawa Puteh, putri ayah angkatnya H. Ali. Usia sheikh ketika itu kurang lebih 26 tahun, sedangkan isterinya berusia 16 tahun, yaitu 10 tahun lebih muda daripada Sheikh. Hj. Hawa seorang wanita yang rajin mengurus rumah tangga. Beliau pandai dan efisien dalam membuat berbagai jenis kue melayu. Beliau berasal dari Kampung Trankera, Melaka yang kemudiannya berpindah ke Singapura.

Hasil perkongsian hidup dengan Hj. Hawa, sheikh telah dikaruniai 23 orang anak. Namun, hanya 14 orang yang masih hidup, yaitu 6 laki-laki dan 8 perempuan. Anak-anak beliau adalah Badariah, Khadijah, Aishah, Fatimah, Azizah, Ali, Abdul Rahman, Rahmah, Mansur, Ahmad, Fauziah, Faisal, Habsah dan Mustafa. Semuanya lahir dan besar serta bersekolah di Singapura.⁵

Pada 14 Juli 1996, beliau menghembuskan nafas terakhir pada pukul 09.00 WITA dalam perjalanan menuju ke Rumah Sakit. Dokter mengesahkan beliau meninggal karena sakit lemah jantung dan tidak seperti yang diberitakan oleh beberapa surat kabar yang menyebutkan penyebab kematian beliau karena usia tua.⁶

2. Pendidikan

Sheikh Abdullah Basmeih adalah seorang ulama terkemuka namun riwayat pendidikannya tidaklah sepertimana kebanyakan ulama lain. Pendidikan

⁵Wan Ramizan Hasan, *Biografi Ulama Malaysia: SHEIKH ABDULLAH BASMEIH: Riwayat Hidup Sheikh Abdullah Basmieh*, 3-7.

⁶Wan Ramizan Hasan, *Biografi Ulama Malaysia: SHEIKH ABDULLAH BASMEIH: Riwayat Hidup Sheikh Abdullah Basmieh*, 20.

awal beliau dimulai ketika beliau masih kecil, yaitu ketika beliau berada di Makkah al-Mukarramah, semasa disana beliau sempat belajar di *Suq al-Layl*. Di situ beliau belajar ilmu-ilmu agama. Beliau telah menyelesaikan studinya dengan khatam Al-Qur'an serta mampu membaca dan menulis. Beliau telah diminta oleh ayahnya untuk belajar agama di Masjid Mekkah saat berusia 7 tahun.⁷

Tentunya pendidikan dasar yang beliau dapatkan selama di Mekkah serta penguasaan bahasa Arab yang baik adalah kunci nyata keberhasilannya dalam menerjemahkan sebagian besar buku berbahasa Arab. Pembelajaran beliau hanya sebentar saja karena pada usianya 12 tahun, ayah beliau telah membawanya merantau bersama ke Semenanjung Tanah Melayu di Pangkalan Balak Melaka. Bermula dari situ, beliau dididik sesuai dengan suasana masyarakat setempat masa itu.

Beliau kemudian dimasukkan ke Sekolah Melayu Pangkalan Balak Melaka, beliau juga pernah bertukar ke Sekolah Melayu Bukit Cina. Namun tidak lama selepas itu bapanya jatuh sakit dan terus meninggal dunia. Kemudian beliau kembali semula ke Sekolah Melayu Pangkalan Balak Melaka dan tinggal bersama ibu tirinya beserta dua adiknya. Dengan usaha yang gigih serta minatnya yang mendalam terhadap ilmu pengetahuan, akhirnya beliau berjaya menamatkan pelajaran dan lulus darjah 5 pada tahun 1931.

Selepas itu, beliau tidak lagi melanjutkan pelajarannya ke sekolah yang lebih tinggi. Pelajaran beliau terhenti disebabkan faktor keuangan sekalipun beliau sangat berminat untuk memasuki sekolah aliran Inggris. Walaupun begitu,

⁷Wan Ramizan Hasan, *Biografi Ulama Malaysia: SHEIKH ABDULLAH BASMEIH: Riwayat Hidup Sheikh Abdullah Basmieh* (Selangor Darul Ehsan: Attin Press Sdn. Bhd, 2019), 3-4.

hasil daripada persekolahan dan persekitarannya telah membolehkan beliau untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik. Kehidupannya di tengah-tengah masyarakat Melayu adalah faktor utama yang telah membantu beliau berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu dengan baik.⁸

3. Perkerjaan

Sheikh Abdullah Basmeih merupakan seorang yang gigih. Sejak kepergian ayahnya, beliau telah bertanggungjawab untuk menjadi tulang punggung keluarga bagi mengingankan beban ibu tiri beliau walaupun waktu itu beliau masih bersekolah. Selain itu, beliau juga pernah melakukan berbagai pekerjaan yaitu:

a) Buruh Hutan, Tukang Masak dan Penulis Artikel

Selain tinggal di Melaka, Sheikh pernah merantau ke Negeri lain hanya untuk menghidupi dirinya dan keluarganya. Beliau bersedia bekerja sebagai buruh hutan di Triang, Pahang dengan gaji sebanyak Rm18 sebulan. Namun, pekerjaan tersebut memaksanya untuk berhenti dan kembali ke desanya. Selepas itu, beliau bekerja di sebuah perusahaan dengan gaji sebanyak Rm10 sebulan.

Tidak lama kemudian, Sheikh mendapat kesempatan untuk bekerja sebagai asisten juru masak di asrama pelajar Melayu di Sekolah Inggris Bandar Hilir. Sekolah ini dikenali dengan nama Sekolah Tinggi Melaka pada tahun 1936. Saat bekerja di sana, Sheikh mengetahui bahwa banyak siswa Melayu yang gagal dalam ujian *Junior Cambridge*. Sheikh cuba mengkritik sikap ceroboh mereka terhadap studi. Beliau menyampaikan kritiknya dengan mengirimkan artikel ke

⁸Wan Ramizan Hasan, *Biografi Ulama Malaysia: SHEIKH ABDULLAH BASMEIH: Riwayat Hidup Sheikh Abdullah Basmieh*, 5.

koran *Warta Malaya*. Peristiwa ini terjadi pada tahun 1937, dengan terbitnya artikel pertama Sheikh di surat kabar *Warta Malaya*, upaya untuk menarik perhatian media terhadap karyanya berhasil.⁹

b) Buruh Kilang dan Pedagang Kain

Pada tahun 1937, Sheikh telah hijrah ke Singapura. Di Singapura, beliau bekerja sebagai buruh di pabrik karet Belanda di Pasir Panjang dengan gaji sebanyak RM12 sebulan. Setelah lelah menjadi buruh, Sheikh mulai mencoba peruntungan dalam berbisnis. Beliau berdagang kain dari rumah ke rumah dengan modal RM40 pemberian ibu tirinya.

Mengetahui Sheikh tidak memiliki keluarga di Singapura, seorang pengusaha di Geylang Road, Singapura bernama Haji Ali bin Mohd Tahir telah mengadopsinya. Haji Ali telah mengundang Sheikh untuk tinggal bersamanya. Beliau juga banyak membantu dan mengajar Sheikh di bidang bisnis.

c) Warung Rojak Baghdad

Memandangkan Sheikh dan isterinya, Hajah Hawa berpengalaman dalam memasak, mereka membuka warung makan di belakang *Queens Theatre* di Geylang, Singapura. Antara makanan yang dijual adalah rujak yang disebut Rujak Baghdad dan berbagai jenis makanan dan kue yang lainnya.¹⁰

d) Syarikat Qalam Press (1950-1962)

Pada tahun 1950, Sheikh telah ditawarkan posisi Asisten Editor majalah bulanan keagamaan *Qalam* di Qalam Press. Beliau diberi tugas sebagai Penyunting,

⁹Wan Ramizan Hasan, *Biografi Ulama Malaysia: SHEIKH ABDULLAH BASMEIH: Riwayat Hidup Sheikh Abdullah Basmieh*, 6.

¹⁰Wan Ramizan Hasan, *Biografi Ulama Malaysia: SHEIKH ABDULLAH BASMEIH: Riwayat Hidup Sheikh Abdullah Basmieh*, 6-8.

Penulis dan Penterjemah artikel religi untuk Penerbitan Qalam. Beliau juga menulis Tafsir Al-Qur'an di majalah *Qalam* pada setiap bulan.

Selain itu, beliau diberi tugas tambahan seperti menerjemahkan hasil tulisan dari buku-buku yang berkaitan dengan tokoh Islam. Dalam abad 12 tahun, Sheikh bersama penerbit *Qalam* berhasil menerjemahkan lebih dari 30 buku yang meliputi riwayat hidup Rasulullah saw, isteri-isteri, anak perempuan dan bahkan para sahabat baginda. Semua buku yang diterbitkan oleh penerbitan Qalam. Antara lainnya adalah:

- 1) *Sejarah Hidup Siti Aishah*
 - 2) *Sejarah Hidup Baginda Ali k.r.m.w*
 - 3) *Sejarah Hidup Abu Bakar al-Sidik*
 - 4) *Sejarah Hidup Nabi Muhammad SAW*
 - 5) *Tariq bin Ziyad*
 - 6) *Berjihad pada Jalan Allah*
 - 7) *Sejarah Hidup Bilal*
 - 8) *Sejarah Hidup Khalid al-Walid¹¹*
- e) Penulis Bebas (1962-1964)

Setelah berhenti sebagai penulis dan penterjemah di Qalam Press, Sheikh menjadi penulis dan penterjemah bebas. Beliau telah menghasilkan beberapa buku termasuk *Panduan Kanak-kanak Sembahyang* (telah berganti judul, yaitu *Muslim Kecil - Sinar Hidayah*) dan *Muqaddam Al-Qur'an* yang diterbitkan oleh Penerbitan Sulaiman Marie, Singapura pada tahun 1963.

¹¹Wan Ramizan Hasan, *Biografi Ulama Malaysia: SHEIKH ABDULLAH BASMEIH: Riwayat Hidup Sheikh Abdullah Basmieh*, 10.

Selain itu, Sheikh juga berhasil menulis buku *Sastera Melayu* yang diberikan judul *Taman Cerita-cerita Melayu* sebanyak sepuluh jilid. Buku tersebut diterbitkan oleh Perpustakaan Nasional, Singapura pada tahun 1963. Beliau juga diberi kesempatan memberikan ceramah di Radio Singapura pada tahun 1963. Beliau juga ditunjuk sebagai Pengelola Ruangan Agama yang disiarkan di Radio Singapura pada setiap Jum'at malam.

f) Utusan Melayu, Singapura (1964-Ogos 1965)

Pada tahun 1964, Sheikh mendapat tawaran daripada H. M Shah, Manager Perusahaan Utusan Melayu untuk mengabdikan dan bekerja sebagai Redaktur Bagian Agama. Karena tidak ingin melewatkan kesempatan yang sangat berharga, Sheikh menerima tawaran tersebut. Di antara tugas yang dilakukan Sheikh antara lain menulis artikel yang berkaitan dengan bidang agama pada setiap hari Jum'at di kolom *Mimbar Islam*.

Dalam *Utusan Zaman*, yang terbit pada setiap hari minggu pula, Sheikh diminta menerjemahkan draf majalah sastra Arab dan menulis hal-hal yang berkaitan dengan kesusteraan Islam. Di samping itu, Sheikh juga berhasil menyelesaikan penulisan buku dalam bidang sejarah yang berjudul *Sejarah Islam* sebanyak tiga jilid pada tahun 1964. Selain itu, beliau juga diangkat sebagai Anggota Dewan Penasihat Islam Singapura, di samping menjadi Anggota Panitia Dewan Bahasa Melayu.¹²

g) Syarikat Utusan Melayu, Kuala Lumpur (1965-1968)

¹²Wan Ramizan Hasan, *Biografi Ulama Malaysia: SHEIKH ABDULLAH BASMEIH: Riwayat Hidup Sheikh Abdullah Basmieh* (Selangor Darul Ehsan: Attin Press Sdn. Bhd, 2019), 12-13.

Semasa menyambung tugasnya di Ibu Pejabat Utusan Melayu di Kuala Lumpur, jabatan yang dijabatnya masih sebagai Redaktur Bagian Agama dan Kolumnis *Mimbar Islam* pada setiap hari Jum'at. Di samping itu, ruang *Mimbar Islam* juga dimanfaatkan oleh Sheikh dengan sebaik-baiknya. Beliau menulis perkara-perkara semasa yang berkaitan dengan sesuatu peristiwa seperti peristiwa Israk dan Mikraj, Maulidur Rasul dan sebagainya. Antara judul artikel yang ditulis oleh Sheikh Abdullah Basmeih dalam ruangan *Mimbar Islam* adalah:

- a) *Kebenaran Islam Menawan Hati Sarjana Barat*
- b) *Kisah Paderi Besar Menyembunyikan Islam*
- c) *Pujangga Islam Melahirkan Negara Palestin*
- d) *Masalah Palestin dan Propaganda Yahudi dan Zionis Amerika* dan lain-lain lagi.

Miskipun Sheikh bekerja sepenuh waktu dengan perusahaan Utusan Melayu di Kuala Lumpur, beliau masih memiliki waktu menerjemahkan beberapa buku lainnya. Antaranya termasuklah *Intisari Al-Qur'an* sebanyak dua penggal, yaitu terbitan tahun 1965 dan buku *Panduan Wanita* yang diterbitkan pada tahun 1967. Pada masa yang sama, selain menulis dan menterjemah buku-buku agama, beliau turut berkesempatan memberikan sumbangan kepada majalah *Perkim* dengan menjadi pengarangnya, yaitu pada tahun 1967. Namun, tugas itu disandangkan dalam tempoh beberapa bulan sahaja.

- h) *Jabatan dan Perkhidmatan di Jabatan Perdana Menteri (1968-1987)*¹³

¹³Wan Ramizan Hasan, *Biografi Ulama Malaysia: SHEIKH ABDULLAH BASMEIH: Riwayat Hidup Sheikh Abdullah Basmieh*, 15-17.

4. Karya-Karya Sheikh Abdullah Basmeih Dalam Bidang Tafsir

Kalau dilihat dari penjelasan di atas, memang tidak sedikit karya-karya beliau dalam bidang penulisan, tetapi di sini penulis hanya fokus pada karya beliau dalam bidang tafsir. Antara karyanya yang penulis temui adalah:

a) Kitab Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an

Kitab ini merupakan karya terbesar beliau dalam bidang tafsir memandangkan kitab tafsir ini dalam bahasa Melayu yang lengkap 30 juz yang siap diterjemah dan dibuat uraian ringkas. Dengan siapnya *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, maka lengkaplah usaha beliau dalam bidang tersebut. Penulis akan menguraikan lagi tentang kitab ini secara terperinci dalam ulasan selanjutnya.

b) Muqaddam Al-Qur'an

Kitab ini memudahkan orang banyak terutama murid-murid atau tunas-tunas muda memahami isi kandungan Al-Qur'an selepas lancar membacanya, kitab ini hanya berfokuskan kepada juz 'Ammah sahaja. Surah-surah yang terdapat dalam juz 'Ammah ini disusun mulai dengan surah *Al-Fatihah*, diikuti dengan surah *al-Nas, al-Falaq* dan diakhiri dengan surah *al-Naba'*.

Kitab *Muqaddam* ini amat sesuai dibaca oleh umat Islam yang ingin membaca juz 'Ammah saja. Disamping mengandungi terjemahan, ilmu tajwid juga dapat dipelajari dengan mudah. Walau bagaimanapun tulisannya masih lagi mengikut *Rasm Baghdadi* dan bukannya *Rasm 'Uthmani* sebagaimana yang

dianjurkan masa kini. Kitab *Muqaddam Al-Qur'an* ini ditulis khatnya oleh Muhammad Hasan al-Yunusi, yaitu dalam tulisan Jawi.¹⁴

c) Intisari Al-Qur'an

Antara usaha Sheikh dalam bidang tafsir ini juga termasuklah menterjemah kitab tafsir berjudul *Ila Al-Qur'an al-Karim* karangan al-Marham al-Shaykh Mahmud Shaltut. Karya terjemahan ini dinamakan *Intisari Al-Qur'an*.

Secara keseluruhan, kitab ini tidak mentafsir kesemua ayat ataupun surat di dalam Al-Qur'an. Beliau hanya memetik beberapa perkara yang boleh diambil pengajaran terutamanya hal yang berkaitan dengan kisah-kisah Nabi atau umat terdahulu yang terdapat dalam Al-Qur'an. Misalnya dalam surat *al-Kahfi*, beliau telah membagi kepada lima judul, yaitu:

- Pertama : Kisah-kisah dan misalan untuk menjadi pengajaran dan ikhtibar
- Kedua : Wajibnya merendah diri dalam masa menuntut ilmu
- Ketiga : Rahsia kejadian yang telah dibantah oleh Nabi Musa
- Keempat :Kisah zul-Qarynain
- Kelima :Kewajiban pemerintah dan rakyat.¹⁵

¹⁴Wan Ramizan Hasan, *Biografi Ulama Malaysia:SHEIKH ABDULLAH BASMEIH: Sumbangan Sheikh Abdullah Basmieh Dalam Bidang Tafsir* (Selangor Darul Ehsan: Attin Press Sdn. Bhd, 2019), 63-64.

¹⁵Wan Ramizan Hasan, *Biografi Ulama Malaysia:SHEIKH ABDULLAH BASMEIH: Sumbangan Sheikh Abdullah Basmieh Dalam Bidang Tafsir*, 65.

B. Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an

1. Pengenalan Kitab

Kitab Tafsir *Pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian Al-Qur'an* telah diterjemahkan dan ditulis pada masa kepemimpinan Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Keputusan untuk menerjemahkan Al-Qur'an diputuskan oleh konferensi Dewan Raja yang berlangsung pada 13 Juni 1963.

Pada awalnya dewan panitia khusus dibentuk untuk tujuan penerjemahan ini sebagaimana diputuskan oleh Dewan Raja. Namun, ada banyak kesulitan dalam administrasi komite ini. Pada Oktober 1963, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj memindahkan karya terjemahan ini dengan menempatkannya di bawah kementeriannya sendiri yang berada di bawah Depertemen Perdana Menteri.

Setelah dipindahkan ke Depertemen Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman menunjukkan Ustaz Faisal bin Haji Othman sebagai penerjemahan Al-Qur'an. Ustaz Faisal telah melakukan upaya penerjemahan untuk jangka waktu hanya beberapa bulan. Setelah itu beliau mengundurkan diri, Sheikh Abdullah Basmeih diminta melanjutkan pekerjaan menerjemahkan Al-Qur'an ke dalam Bahasa Melayu.¹⁶

Berawal dari situ, Sheikh secara gigih bekerja setahap demi setahap hingga berhasil menerjemahkan Al-Qur'an ke dalam Bahasa Melayu dalam aksara Jawi pada awalnya, kemudian dalam aksara Romawi seperti yang ada sekarang.

¹⁶<http://disertasi.blogspot.com/2007/06/tafsir-pimpinan-al-rahman-oleh-syeikh.html?m=1>
di akses pada 19. April. 2023, pukul 12.29 WITA.

Upaya gigihnya memakan waktu lama di bawah kepemimpinan empat Perdana Menteri Malaysia.

2. Referensi Penulisan

Sheikh Abdullah Basmeih telah mengutip beberapa kitab lain sebagai pedoman untuk menghasilkan kitab Tafsir ini. Kitab tersebut antara lain kitab tafsir bahasa Arab, Melayu, kitab hadits, kamus bahasa Arab dan Kamus bahasa Melayu. Adapun di antara kitab-kitab yang dikutip beliau adalah sebagai berikut:

- 1) *Jami' al-Bayan* Karya al-Imam Ibn Jarir al-Tabari
- 2) *Tafsir Ibn Kathir* Karya Ismail Ibn Kathir
- 3) *Tafsir Ruh al-ma'ani* Karya al-Sayyid Mahmud al-Alusi
- 4) *Tafsir Anwar al-Tanzil* Karya al-Imam Nasir al-Din al-Baidawi
- 5) *Tafsir al-Jalalayn* Karya al-Imam Jalal al-Din al-Mahalli
- 6) *Tafsir al-Manar* Karya al-Imam Muhammad 'Abduh dan al-Sayyid Muhammad Rasyid Rida
- 7) *Tafsir Mahasin al-Ta'wil* Karya al-Syeikh Jamal al-Din al-Qasimi
- 8) *Tafsir al-Maraghi* Karya al-Ustaz Ahmad Mustafa al-Maraghi
- 9) *Tafsir al-Qur'an al-Karim* Karya al-Syeikh Mahmud Syaltut
- 10) *Tafsir al-Jawahir* Karya al-'Allamah Tantawi Jawhari
- 11) *Tafsir Gharib al-Qur'an* Karya Ibn Qataybah al-Dinawri
- 12) *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an* Karya al-syahid sayyid Qutb
- 13) *Tafsir Nur al-Ihsan* Karya Muhammad Said Omar
- 14) *Tafsir al-azhar* Karya Hamka
- 15) *Hasyiyah al-Syaykh Zadah* Karya al-Syeikh Zadah

- 16) *Hasyiyah al-Khafaji* Karya al-Syeikh al-Khafaji
- 17) *Hasyiyah al-Kazaruni* Karya al-Syeikh al-Kazaruni
- 18) *Hasyiyah al-Jamal* Karya al-Syeikh Sulayman al-'Ujayli
- 19) *Hasyiyah al-Sawi* Karya al-Syeikh Ahmad al-Sawi
- 20) *Al-Itqan fi 'ulum al-Qur'an* Karya al-Suyuti
- 21) *Syarh Sahih al-Bukhari* Karya al-Hafiz Ibn Hajar
- 22) *Sahih Muslim Bi Syarh al-Nawawi* Disusun oleh al-Imam Yahya al-Nawawi
- 23) *Syarh al-'Azizi* Karya al-Syeikh 'Ali Nur al-Din al-'Aziz
- 24) *Syarh al-Hifni* Karya al-Syeikh al-Hafni
- 25) *Tuhfat al-Dhakirin* Disusun oleh al-Imam Muhammad bin 'Ali al-Syawkani
- 26) *Al-Jami' al-Saghir* Karya al-Imam Jalal al-Din al-Suyuti
- 27) *Kitab Fath al-Rahman*
- 28) Kitab-kitab Tafsir Melayu dan Indonesia
- 29) Kamus Bahasa Arab dan Kamus Bahasa Melayu¹⁷

3. Metodologi Penulisan dan Penyusunan Kitab

Secara umumnya, *Tafsir Pimpinan Al-Rahman* mengandungi kata-kata aluan Perdana Menteri Malaysia yang memimpin negara ketika kitab itu dicetak ulang dan diterbitkan. Kemudian diikuti pula dengan kata-kata pendahuluan daripada penterjemah kitab tersebut, yaitu Dato' Haji Muhammad Nor Bin Haji

¹⁷Sheikh Abdullah Basmieh, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an* (Kuala Lumpur: Darulfikir, Cet. 25, 2020), xv-xvi.

Ibrahim. Setelah itu, dilampirkan juga kata-kata penutup oleh menyimak dan penterjemah dan diikuti oleh penjelasan secara ringkas tentang ejaan dan istilah agama. Sebelum muqaddimah surah al-Fatihah diletakkan pada bagian awal sebelum disenaraikan kitab-kitab yang menjadi sumber rujukan utama. Setelah ditulis muqaddimah, terjemahan dan tafsiran ayat dari surah al-Fatihah hingga disurah an-Nas, kitab ini diakhiri dengan penerangan kandungan (daftar isi) dan pengenalan Mushaf Al-Qur'an.

Untuk menghasilkan kitab *Tafsir Pimpinan ar-Rahman* ini, penterjemah (Sheikh) telah melakukan beberapa perkara, yaitu:

- a) Membaca kitab-kitab tafsir dan mengkaji berbagai-bagai pendapat dan penafsiran daripada ahli-ahlinya
- b) Memilih mana-mana pendapat yang difikirkan lebih sesuai dan mudah difahami oleh orang ramai terutamanya masyarakat Islam di Malaysia tanpa terikat dengan mana-mana aliran atau mazhab tertentu.
- c) Beliau akan menerjemahkan ke bahasa Melayu apabila sumber rujukkannya berbahasa Arab.
- d) Apabila telah siap beberapa juz beliau akan berjumpa dengan Dato' Haji Muhammad Noor yang akan menyimak sebelum hasil terjemahan itu di ketik.

Daripada analisis yang telah dijalankan terhadap susunan kitab ini, penulis mendapati terdapat tiga perkara utama yang telah dilakukan oleh Sheikh ketika menerjemahkan dan mentafsir, yaitu:

- a) Menulis muqaddimah yang menerangkan secara ringkas isi kandungan yang terdapat dalam sebuah surah.
- b) Menterjemah kesemua ayat Al-Qur'an, menggunakan kaedah terjemah ma'nawiyah asliyyah, yaitu memindahkan sesuatu ayat ke bahasa lain, yaitu lafaz dan maksud lafaz itu sama tanpa melihat susunan dan urutan perkataan-perkataan tersebut.
- c) Mentafsir sebahagian ayat Al-Qur'an yang dirasakan perlu diberikan penjelasan. Beliau telah menggunakan kaedah terjemah tafsiriyyah.¹⁸

4. Metodologi Penafsiran

Secara keseluruhannya sepanjang pemerhatian penulis, Sheikh Abdullah Basmeih tidak menentukan format khusus untuk menterjemah dan mentafsir Al-Qur'an. Beliau merujuk kepada kitab-kitab muktabar kemudian menterjemah ayat-ayat Al-Qur'an dengan gaya terjemahan beliau sendiri tanpa terikat dengan mana-mana penterjemah lainnya.

Beliau menterjemah dengan menggunakan bahasa yang mudah untuk dipahami bukannya menterjemah mengikut huruf (harfiah), mana-mana ayat yang memerlukan uraian dibuat uraiannya di tempat catatan kaki. Uraian- uraian ini merupakan intipati kepada bacaan beliau terhadap kitab-kitab rujukan yang digunakan. Kata-kata dari ulama' seperti almarhum Dato' Haji Muhammad Noor turut dimasukkan pada tempat-tempat tertentu.

¹⁸Wan Ramizan Hasan, *Biografi Ulama Malaysia: SHEIKH ABDULLAH BASMEIH: Metodologi Sheikh Abdullah Basmeih Dalam Pentafsiran* (Selangor Darul Ehsan: Attin Press Sdn. Bhd, 2019), 95-96.

Sebagai kesimpulannya, penulis telah membagikan metodologi penafsiran beliau kepada bagian-bagian berikut:

a) Tafsir Al-Qur'an dengan Al-Qur'an

Pada ayat-ayat tertentu beliau memberikan penjelasan dengan menyebutkan nomor ayat dan nama surah yang menyokong dan menjelaskan ayat Al-Qur'an yang diuraikan.¹⁹ Contohnya pada ayat 37 surah al-Baqarah:

فَتَلَقَىٰ آدَمُ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ إِنَّهُ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ

*Artinya: Kemudian Nabi Adam menerima dari tuhannya beberapa kalimat (kata-kata pengakuan taubat yang diamalkannya), lalu Allah menerima taubatnya, sesungguhnya Allah, Dialah yang Maha Pengampun (penerima taubat), lagi Maha Mengasihani.*²⁰

Uraianya dalam kitab *Tafsir Pimpinan al-Rahman* adalah Kalimat-kalimat pengakuan taubat yang telah diilhamkan oleh Allah Ta'ala kepada Nabi Adam (dan isterinya- Hawa) itu ialah yang tersebut di dalam ayat 23, surah al-A'raaf, yaitu:

رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ

*Artinya: keduanya berkata “Ya Tuhan kami, kami telah menzalimi diri kami sendiri. Jika Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, niscaya kami termasuk orang-orang yang rugi”.*²¹

Sheikh Basmeih menafsirkan Q.S al- A'raaf di atas seperti berikut:

“(200) Inilah kalimah-kalimah pengakuan taubat yang telah diilhamkan oleh Allah Ta'ala kepada Nabi Adam dan isterinya Hawa, yang telah diamalkannya lalu diterima taubatnya, sebagaimana yang tersebut dalam

¹⁹ <http://disertasi.blogspot.com/2007/06/tafsir-pimpinan-al-rahman-oleh-syeikh.html?m=1> di akses pada 19. April. 2023, pukul 12.29 WITA.

²⁰ Departemen Agama RI, *Al-Qur'an dan Terjemahannya* (Jakarta: SF Ziyad Fisi Media, 2014), 6.

²¹ Departemen Agama RI, *Al-Qur'an dan Terjemahannya*, 153.

ayat 37, surah Al-Baqarah. Peristiwa ini berlaku sebelum Nabi Adam (s.a) menjadi Nabi, kerana seseorang Nabi itu adalah “ma’sum” ya’ni terpelihara dari melakukan dosa.

Menurut setengah Ahli Tafsir, bahawa Nabi Adam (s.a) berbahagia dengan lima perkara iaitu mengakui kesalahan, menyesal akan kesalahan itu, menampelak dirinya sendiri, segera bertaubat, dan tidak berputus asa daripada rahmat Allah.

Sebaliknya iblis telah ditimpa celaka disebabkan lima perkara: ia tidak mengaku salah, tidak menyesal, tidak menampelak dirinya sendiri, enggan bertaubat, dan ia pula berputus asa daripada rahmat Allah. (Tafsir Al-Qaasimi, 7: 2643)”²²

b) Tafsir al-Qur’an dengan Hadis

Pada setengah ayat beliau turut menguraikan ayat-ayat tersebut dengan hadis Nabi saw walaubagaimanapun Sheikh tidak menyatakan matan hadis tersebut.²³ Contohnya dalam surah al-’Araaf ayat 31 iaitu:

يَا بَنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا
تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

Artinya: Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadah (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampaui-lampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.²⁴

Sheikh Basmeih menafsirkan Q.S al-’Araaf di atas seperti berikut:

“(201) Dalam hadith Nabi (s.a.w.) juga ada diterangkan supaya kita berhias dengan memakai pakaian yang indah ketika hendak ke masjid mengerjakan sembahyang, terutama pada hari juma’at dan Hari raya, dan juga memakai bau-bauan yang semerbak harum. (202) Dalam hadith juga diterangkan bahawa Rasulullah (s.a.w.) bersabda, maksudnya: “Makanlah serta minumlah, dan bersedekahlah, dan juga pakailah (pakaian yang baik-baik serta berhiaslah), asalkan jangan

²² Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur’an* (Kuala Lumpur: Darulfikir, Cet. 24, 2016), 344.

²³ <http://disertasi.blogspot.com/2007/06/tafsir-pimpinan-al-rahman-oleh-syeikh.html?m=1> di akses pada 19. April. 2023, pukul 12.29 WITA.

²⁴ Departemen Agama RI, *Al-Qur’an dan Terjemahannya* (Jakarta: SF Ziyad Fisi Media, 2014) 154.

bermegah-megah dan menyombong, dan jangan pula melampau-lampau kerana Allah suka melihat kesan ni'mat-ni'matNya kepada hambaNya". (Ibnu Maajah dan An-Nasa'i)"²⁵

c) Sebab Penurunan Ayat

Sabab al-Nuzul merupakan suatu ilmu yang membahaskan sebab turunnya satu-satu ayat atau surah serta bila dan dimana ayat tersebut diturunkan.²⁶ Sheikh turut menyatakan tentang sebab penurunan ayat (*sabab al-Nuzul*) di dalam kitab tafsirnya ini, tetapi tidak semua ayat yang mempunyai *sabab al-Nuzul* dinyatakan beliau. Dalam kitab *Tafsir Pimpinan ar-Rahman* ini *sabab al-Nuzul* dijelaskan sama ada pada catatan kaki ataupun muqaddimah.²⁷ Contohnya, Firman Allah swt dalam surah al-Anfal ayat 67:

مَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَنْ يَكُونَ لَهُ أَسْرَىٰ حَتَّىٰ يُثْخِنَ فِي الْأَرْضِ تُرِيدُونَ
عَرَصَ الدُّنْيَا وَاللَّهُ يُرِيدُ الْآخِرَةَ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Artinya: Tidak patut bagi seseorang Nabi mempunyai orang-orang tawanan sebelum ia dapat membunuh sebanyak-banyaknya di muka bumi. Kamu hendaki harta benda dunia (yang tidak kekal), sedangkan Allah menghendaki (untuk kamu pahala) akhirat. Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.²⁸

Dalam uraian ayat ini, Sheikh telah menceritakan berlakunya peristiwa yang membawa kepada turunnya ayat tersebut:

“(278) Setelah Rasulullah (s.a.w.) dan orang-orang Islam yang dipimpinya berjaya mencapai kemenangan dalam peperangan Badar,

²⁵Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an* (Kuala Lumpur: Darulfikir, Cet. 25, 2020), 347.

²⁶Ali As-Sahbun, *Kamus & Indeks Al-Qur'an* (T. Tp: Shahih, 2016), 59.

²⁷Wan Ramizan Hasan, *Biografi Ulama Malaysia: SHEIKH ABDULLAH BASMEIH: Metodologi Sheikh Abdullah Basmeih Dalam Pentafsiran* (Selangor Darul Ehsan: Attin Press Sdn. Bhd, 2019), 100.

²⁸Departemen Agama RI, *Al-Qur'an dan Terjemahannya* (Jakarta: SF Ziyad Fisi Media, 2014), 185.

iaitu peperangan yang awal pertama berlaku di antara pihak Islam dengan kaum kafir Musyrik dan Mekah sesudah Rasulullah (s.a.w.) dan pengikut-pengikutnya berhijrah ke Madinah, maka Baginda pun meminta fikiran mengenai orang-orang tawanan.

Sayidina Abu Bakar pun mengesyorkan supaya diambil penebus diri dari mereka dengan harapan supaya mereka mendapat hidayah dan memeluk Islam, manakala sayidina Umar pula mengesyorkan supaya mereka dibunuh, memandangkan krpada perbuatan kejam mereka terhadap orang-orang Islam. Akhirnya Baginda bersetuju dengan fikiran Sayidina Abu Bakar lalu mengambil penebus diri dari mereka.

Mengenai peristiwa inilah turun firman Allah Ta'ala yang terkandung dalam ayat 67 ini, menegur Baginda membiarkan mereka hidup padahal sewajibnya mereka dibunuh, karena dengan cara yang demikian, golongan kafir yang lain akan merasa gerun''²⁹

Hasil kajian penulis, tidak semua ayat yang ada *sabab al-Nuzul* diceritakan secara jelas terutamanya apabila melibatkan individu tertentu (hanya dinyatakan secara umum tanpa menyebutkannya). contoh yang dapat kita lihat ialah pada ayat pertama daripada surah al-Mujadalah, iaitu firman Allah swt:

قَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّتِي تُجَادِلُكَ فِي زَوْجِهَا وَتَشْتَكِي إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ يَسْمَعُ
تَحَاوُرَ كَمَا إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ

Artinya: sesungguhnya Allah telah mendengar (dan memperkenan) aduan perempuan yang bersoal jawab denganmu (wahai Muhammad) mengenai suaminya, sambil ia berdoa merayu kepada Allah (mengenai perkara yang menyusahkannya) sedang Allah sedia mendengar perbincangan kamu berdua. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.³⁰

Dalam uraian ayat ini, Sheikh hanya menyatakan aduan perempuan tersebut secara umum sedangkan dalam kitab-kitab lain disebut namanya, iaitu Khawlat binti Tha'labar. Dakam hal ini, pengarang tidak menyebut nama perempuan tersebut sama ada dalam huraian atau mukadimah.

²⁹Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an* (Kuala Lumpur: Darulfikir, Cet. 25, 2020), 420.

³⁰Departemen Agama RI, *Al-Qur'an dan Terjemahannya* (Jakarta: SF Ziyad Fisi Media, 2014), 542.

d) Huruf Muqatta'ah

Sheikh tidak menguraikan huruf-huruf muqatta'ah bahkan beliau menyatakan bahwa “Allah jualah yang mengetahui arti dan maksud huruf-huruf yang terletak pada permulaan setengah-setengah surah dengan surah.”³¹

e) Munasabat Ayat

Al-Munasabat ialah salah satu ilmu yang membahaskan hubungan antara ayat dan ayat dalam satu ayat atau dalam beberapa ayat dan juga hubungan antara surah dengan surah yang lain. Bisa dikatakan hampir semua surah mengandungi *al-munasabat*, yaitu hubungan ayat dengan ayat sebelumnya.³² Sebagai contoh, firman Allah swt dalam Surah Yunus, ayat 57:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ
وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ

*Artinya: Wahai umat Manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Qur'an yang menjadi nasihat pengajaran daripada tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan serta membawa rahmat bagi orang yang beriman.*³³

Selepas membuat terjemahan, Sheikh telah menguraikan hubungan ayat ini dengan ayat-ayat sebelumnya. Beliau menyebutkan bahwa “setelah Allah menerangkan dalil-dalil yang menjelaskan tiga perkara yang menjadi asas agama, yaitu tauhid (keesaan Allah swt), kerasulan Nabi Muhammad saw dan

³¹<http://disertasi.blogspot.com/2007/06/tafsir-pimpinan-al-rahman-oleh-syeikh.html?m=1>
di akses pada 19. April. 2023, pukul 12.29 WITA.

³²Wan Ramizan Hasan, *Biografi Ulama Malaysia: SHEIKH ABDULLAH BASMEIH: Metodologi Sheikh Abdullah Basmeih Dalam Pentafsiran* (Selangor Darul Ehsan: Attin Press Sdn. Bhd, 2019), 104.

³³Departemen Agama RI, *Al-Qur'an dan Terjemahannya* (Jakarta: SF Ziyad Fisi Media, 2014), 242.

kebangkitan semua makhluk untuk menerima balasan, maka dalam ayat ini diterangkan pula bahwa Al-Qur'an diturunkan oleh Allah untuk umat manusia seluruhnya sebagai nasihat pengajaran untuk memperbaiki akhlak dan amal perbuatan, dan sebagai obat penawar bagi penyakit batin serta menjadi hidayah petunjuk ke jalan yang diridhoi".³⁴

f) Ayat-ayat Hukum

Sheikh juga memberi penekanan penafsiran kepada ayat-ayat hukum, tetapi tidak semua ayat hukum dijelaskan oleh beliau. Antara contoh yang dapat dilihat adalah pada penjelasan tentang hukum berzina yang telah diterangkan Allah dalam firmanNya dalam surah al-Nur ayat 2:

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيَشْهَدَ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ

*Artinya: Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat, dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang beriman.*³⁵

Dalam uraian Sheikh telah menjelaskan bahwa zina ialah suatu perbuatan yang keji dan bahayanya amatlah besar kepada diri orang yang melakukannya dan rumahtangganya, keturunannya dan masyarakatnya. Oleh itu, beratlah pula hukuman yang dikenakan kepadanya. Hukum yang diterangkan dalam ayat ini

³⁴Wan Ramizan Hasan, *Biografi Ulama Malaysia: SHEIKH ABDULLAH BASMEIH: Metodologi Sheikh Abdullah Basmeih Dalam Pentafsiran*, 105.

³⁵Departemen Agama RI, *Al-Qur'an dan Terjemahannya* (Jakarta: SF Ziyad Fisi Media, 2014), 350.

adalah secara umum, tetapi dalam hadis-hadis Nabi Muhammad saw dijelaskan satu persatu yaitu jika lelaki atau perempuan yang berzina itu pernah menikmati persetubuhan yang halal, maka hukuman bagi tiap-tiap seorang di antaranya ialah direjam, jika tidak maka hukumannya ialah disebat seratus kali dan dibuang daerah.³⁶

g) Kisah-kisah Nabi dan Umat Terdahulu

Sepertimana kitab-kitab tafsir lain, penyusunan kitab *Tafsir Pimpinan al-Rahman* juga menceritakan dengan serba ringkas sejarah umat terdahulu dan juga kisah nabi-nabi yang berkaitan dengan ayat karena Al-Qur'an sendiri banyak menceritakan kepada kita kisah-kisah tersebut. Sheikh juga banyak memberikan perhatian terhadap ayat-ayat berkenaan kisah-kisah Nabi dan Umat terdahulu.³⁷

h) Penjelasan Istilah-istilah

Antara ciri-ciri penafsiran sheikh yang lain ialah beliau turut menguraikan istilah-istilah tertentu yang dirasakan oleh beliau penting untuk diuraikan seperti *taghut*, *zaqqum*, *samiri*, *misykat*, *kalalat* dan sebagainya. Lazimnya penjelasan yang dibuat adalah seringkas-ringkasnya tanpa dicatat pendapat yang berbeza.

³⁶Wan Ramizan Hasan, *Biografi Ulama Malaysia: SHEIKH ABDULLAH BASMEIH: Metodologi Sheikh Abdullah Basmeih Dalam Pentafsiran* (Selangor Darul Ehsan: Attin Press Sdn. Bhd, 2019), 116.

³⁷Wan Ramizan Hasan, *Biografi Ulama Malaysia: SHEIKH ABDULLAH BASMEIH: Metodologi Sheikh Abdullah Basmeih Dalam Pentafsiran*, 109.